



AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Bangsawan

# Delima Di Sri Temiang

arahan  
**RAHMAN B.**

13 & 14 April 2002

8.30 malam

Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)



# Kata Aluan Pengarah

## Akademi Seni Kebangsaan

**A**pabila perkembangan filem tumbuh dengan pesatnya di tanah air kita, sekitar tahun 1960an, maka Bangsawan mula mengalami zaman kegelapan. Antara faktor yang menyebabkan Bangsawan berkubur ialah penhijrahan pelakon - pelakon handalan Bangsawan ke filem. Kegemilangan Bangsawan kian pudar selepas itu.


Atas kesedaran itulah Akademi Seni Kebangsaan (ASK) mewajibkan pembelajaran bangsawan kepada semua para pelajarnya. Usaha ini telah dilakukan sejak penubuhan institusi ini pada tahun 1994 dan merupakan satu usaha untuk mewujudkan golongan penggiat seni generasi baru yang menghayati dan seterusnya dapat memperkembangkan semula bangsawan.

Dengan pimpinan Encik Rahman B, tokoh bangsawan tanah air dan juga pensyarah bangsawan di ASK, para pelajar institusi ini telah berjaya mementaskan kembali cerita - cerita bangsawan seperti berikut: Raja Laksamana Bentan (1996), Haris Fadilah (1997), Bendahara Garang Perak (1998), Alang Buana (1999), Syamsir Alam (2000), Taming Sari (2001) dan yang terkini Delima Di Sri Temiang (2002).

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam pementasan Delima Di Sri Temiang. Semoga pementasan ini dan pementasan - pementasan yang seterusnya akan dapat mengulang semula kegemilangan Bangsawan agar terus dapat dihayati bersama oleh rakyat Malaysia.

Terima kasih.

NORLIZA ROFLI



## Bangsawan

**B**angsawan ialah teater yang dipersembahkan menggunakan teknik opera dan lakonan. Sekiranya persembahan itu menekankan kepada melagukan dialog, maka dinamakan teknik opera. Apabila lagu digunakan dalam sesuatu adegan sahaja, seperti adegan sedih, maka dinamakan teknik lakonan. Kedua-dua teknik ini pernah digunakan dalam persembahan Bangsawan, terutama bergantung kepada kehendak penonton dan kemampuan pengarah serta pelakon. Tujuan utama dalam persembahan Bangsawan ialah untuk menghibur. Oleh itu kehendak penonton menjadi pilihan utama pengarah dan pelakon pada masa itu.

Bangsawan mula berkembang di Malaysia sekitar tahun 1880-an. Ia mula bertapak di Pulau Pinang. Bangsawan yang berkembang di Malaysia mendapat pengaruh dari Wayang Parsi yang didatangkan dari India. Walaupun pada asalnya bangsawan berasal dari Parsi, akan tetapi bangsawan yang berkembang di Malaysia menerima pengaruh dari India. Sebab itulah bangsawan amat popular di Pulau Pinang. Pada masa itu Inggeris dengan banyaknya mengimport buruh-buruh dari India, dan mereka ini membawa bersama Wayang Parsi. Akhirnya Wayang Parsi diambilalih oleh Jawa-Pekan iaitu lelaki India berkahwin dengan perempuan tempatan, dan melahirkan anak kacukan. Kumpulan pertama "Pushi Indera Bangsawan" ditubuhkan pada 1884 di bawah pimpinan Mohamed Pushi.

Dari sinilah bangsawan berkembang ke seluruh negara hingga ke Indonesia, terutama di Sumatera. Oleh kerana bangsawan dapat memikat penonton sebagai alat menghibur yang utama, maka banyaklah lahir kumpulan bangsawan yang terkenal pada masa itu. Antara kumpulan bangsawan yang terkenal ialah "Nahar Bangsawan, Melayan Opera, Kinta Opera, Indera Bangsawan Of Penang, City Opera, Penisular Opera, Norlia Opera, Jaya Opera, Rose Opera, Jupiter Opera, Rahman Opera, Kencana Wati Opera, Gray Noran Opera, Seri Nooran Opera, Bangsawan Jenaka Melayu dan Bolera Opera".

Cerita-cerita bangsawan diambil dari kisah lagenda, hikayat dan sejarah samada dari Alam Melayu atau dari luar. Antara cerita-cerita bangsawan yang terkenal dari awal perkembangannya sehingga tahun-tahun 1950-an ialah Laksamana Bentan, Puteri Cahaya Bulan, Badang, Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, Hang Tuah, Amuk Tuk Nading, Gul Bakawali, Hikayat Bistamam, Jula Juli Bintang Tujuh, Abu Nawas, Ali Baba dengan Empat Puluh Pencuri, Siti Zubaidah, Taming Sari, Romeo dan Juliet dan Saudagar Sailok.

Lakonan dalam bangsawan menjadi tunggak bagi menghidupkan cerita. Dalam lakonan ceritanya boleh bersifat episodik dengan menekankan unsur *poetic justice* iaitu membina watak melalui watak wira atau wirawati dengan bantuan humor melalui watak badut bagi menggerakkan plot yang mudah dan longgar sifatnya.

Dalam bangsawan terdapat teknik memanjangkan cerita dan memendekkan cerita. Teknik ini dikenali sebagai "bernasib" atau "berlagu tarik" iaitu dengan memasukan unsur-unsur luaran seperti menyelitkan *extra-turn*. *Extra-turn* adalah satu teknik memasukkan watak tambahan, biasanya watak dayang istana melakonkan tarian dan nyanyian. Tujuannya untuk memanjangkan cerita supaya pertukaran set dari istana ke hutan dan sebaliknya dapat dilakukan. Bagi tujuan memendekkan cerita pula, biasanya bila bangsawan itu tidak mendapat sambutan dari penonton, maka *extra-turn* ditiadakan atau mungkin cerita itu diringkaskan.

Pentas bangsawan menggunakan pentas prosenium iaitu pentas mengizinkan penonton menonton dari hadapan sahaja. Penggunaan corak pentas seperti ini membolehkan pengolahan set tirai yang *elaborate*. Pentas bangsawan sekurang-kurangnya mempunyai tiga hingga enam tirai asas, mengikut keperluan sesuatu cerita. Set tirai yang menggambarkan pemandangan ialah ruang istana, jalan raya, hutan, taman, ruang bilik dan pemandangan alam. Ini menggambarkan bahawa cerita yang dipersembahkan itu mempunyai set yang perbagai dan cerita itu berkisar di tempat sebagaimana yang ditirai itu.

## ABDUL RAHMAN ABU BAKAR (Rahman B.) Pengarah



Abdul Rahman Abu Bakar dilahirkan pada tahun 1934 di Batu 4 Jalan Kapar, Kelang. Mula berlakon sewaktu berusia 17 tahun. Oleh kerana minat yang mendalam dalam persembahan bangsawan, beliau menganggotai beberapa kumpulan bangsawan termasuk "Rahman Opera Bangsawan" dan "Bintang Timur". Bintang Timur ditubuhkan pada 1980 di Kota Baru, Kelantan dengan dibiayai oleh Tengku Sarimah. Sebelum itu Rahman B. berhijrah ke Singapura pada tahun 1953 dan melibatkan diri dengan "Indonesia Kelap" dan teater "Seni Warna Singapura".

Beliau mula menjadi pengarah lakonan pada usia 19 tahun dalam cerita bangsawan Radin Mas, Dandan Setia dan pernah menjadi penasihat di syarikat H.V.D. Kini beliau merupakan tenaga pengajar bangsawan di Akademi Seni Kebangsaan.


Berkat usaha dan ketabahan beliau dalam mempertahankan seni persembahan bangsawan di bawah naungan Akademi Seni Kebangsaan maka sekali lagi telah berjaya mempersembahkan Bangsawan Delima Di Sri Temiang untuk tontonan umum.

## Sinopsis

Kematian Orang Kaya Limbung menyebabkan anak-anaknya Katam dan Bujang mengambilalih urusan mengutip hutang daripada penduduk kampung. Katam yang menuntut hutang daripada Alang dan apabila dia gagal membayarnya, Katam mendesak supaya adik Alang iaitu Delima, dijadikan isterinya. Berlakulah pergaduhan antara Alang dan Katam. Katam, Bujang dan Jasin sama - sama menaruh hati kepada Delima. Jasin kemudiannya menghasut Bujang sehingga dia sanggup menikam abangnya sendiri. Apakah kesudahannya ?



## Pelakon dinilai



**Hanimah Samsudin**

"Kawan - kawan sudah berundur pergi, untuk mengambil bunga bawa ke mari. Tetapi sungguh hairan, di taman ini bukan tempat lelaki. Kenapa Bang Bujang datang ke mari?"



**Shahril Nizam Shahron**

"Hajat ke mari hendak melihat bunga yang kembang. Kalau ada yang indah, hendak dibawa pulang. Tetapi rupanya, ada seperti orang berkata, pucuk yang di cita ulam pula yang tiba".



**Hadi Maswardi Mohd Amin**

"Aku tahu, Kaulah anak Penglima Limbong yang begitu biadap mengutip hutang - hutangnya".

**Azizi Sulaiman**

"Jangan kau katakan bahasa kesat padaku, kau tahu siapa aku?"



**Kharizul Yaakup**

"Kalaulah begitu Alang, baiklah setelah ku fikirkan dalam - dalam...begini saja, buatlah sesuatu yang boleh mengeratkan hubungan kamu semua. Jernihkanlah yang keruh".



**Sabarina Masadi**

" Kenanga sudah dewasa. Abang Katam lah yang menjaga Kenanga. Ibu dan ayah sudahpun lama meninggal dunia. Apa sahaja yang abang fikirkan baik, Kenanga sentiasa menerimanya".



**Hafiz Hussein**

"Sudahlah Bujang, kau diibaratkan seperti pungguk rindukan bulan. Sekarang bulan sudah dilindungi awan. Maka, gelaplah harapan kau".

**Engku Norzalifah Engku Abd Rased**

" Delima dan Alang, jagalah nama baik ayah kamu, Orang Kaya Limbung walaupun dia ayah tiri kamu. Mungkin mak juga akan pergi bersama - sama".



# Kerabat Pengurusan

## Penaung

YB DATO' PADUKA ABDUL KADIR HAJI SHEIKH FADZIR  
*Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan*

## Penasihat

YM DATO' TENGKU ALAUDIN TENGKU ABD MAJID  
*Ketua Setiausaha  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan  
Merangkap Pengerusi Majlis Akademi Seni Kebangsaan*

## Penerbit

PUAN NORLIZA ROFLI  
*Pengarah  
Akademi Seni Kebangsaan*

## Penolong Penerbit

TUAN HAJI ABD. RAHIM ABDULLAH  
*Ketua Program Penulisan  
Akademi Seni Kebangsaan*

## Penyelaras Produksi

MOHD. GHAZALI ABDULLAH

## Pengurus Produksi

BAHARUDDIN BAHARIN RAMLI

## Kewangan

MUAZZAH ABD. MALIK  
ADDLY ABDUL KARIM

## Tiket

ADDLY ABDUL KARIM  
ROSENAI LIZEI NADZRI

## Logistik dan Kebajikan

ZAILENA MOHD RAZALI  
SULAIMAN MAMAT  
ZURIAH MOHAMAD  
NORZIALINAZURIN KAMAL RIDZUAN

## Publisiti dan Pemasaran

NORIZAH ARSHAD  
MELAH KHALID  
BAHARUDDIN BAHARIN RAMLI

## Percetakan

NORIZAH ARSHAD  
BAHARUDDIN BAHARIN RAMLI

## Jemputan

NORIZAH ARSHAD  
MELAH KHALID  
BAHARUDDIN BAHARIN RAMLI  
ROZIHANI MOHAMAD  
SHAKILA YACKOP

## Mohd Kamaludin Mohd Daud

"Lihat apa yang telah engkau lakukan. Apa hasilnya? Kamu hanya menurut hati yang panas tanpa berfikir dengan tenang apa yang terjadi".

## Salmah Osman

"Lihat Delima, di sana banyak bunga yang indah. Mari Delima kita memetik bunga".

## Nooraizan Mamat

"Memang indah pemandangan di taman ini Delima".

Turut diundang PEMBACA GURINDAM  
PUAN ROHANI B.

## Pengurus Panggung

### Penyelaras

NORZIAH MAJID  
BAHARUDIN BAHARIN RAMU

### Pengurus Panggung/Pameran/Penyambut Tetamu

PAULINE SANTOK

### Penolong Pengurus Panggung/Pameran/Penyambut Tetamu

YUZI MALINI NIK MAT ZIN  
NORHAZLINDA HARAMAINI  
CATHERINE TAN MAY LIK  
AMELIA ABD AZIZ  
NOR EMELIA MOHD SAAD

### Kaunter Media

ZUZAIRI OTHMAN  
BAHARUDDIN BAHARIN RAMLI

## Tenaga Kreatif

### Pengarah

TUAN HAJI ABDUL RAHMAN ABU BAKAR

### Pengarah Teknikal

MUHAMMAD HARIRY ABD JALIL

### Pengarah Muzik

MUSTAKIM YUSOF

### Penyelaras Set dan Prop

MOHD AZRUL RAZILAH

### Penata Cahaya

ABDUL SHAM ABD RAZAK

### Koreografer Tari

A. ARIS A. KADIR

### Penata Audio

ADI SYUKRAN AZIZ

### Pengurus Kostum

RASHIDAH LUDIN

### Pembantu Kostum

SHARIFUL AKMA ABDULLAH  
WAN HAZELINDA MOHAMAD  
WAN NORSIAH ABDULLAH  
NOORINI RAHMAN

### Pengurus Tatarias

JUNAINAH M. LOJONG

### Pembantu Tatarias

AFNA JUITARINA ALI AMBERAN  
MARDIANA ISMAIL  
YUNI NORLEITEY YUNOS

## Tenaga Teknikal

### Pengurus Pentas

MARLENNY DEEN ERWAN

### Pembantu Pengurus Pentas

AMIRA SARIYATI MOHD HATTA

### Pembantu Penata Cahaya

RIME NAZREN ABD RAZAK  
MOHD HADY MOHD TAHIR

### Ketua Krew (Set/Prop & Backdrop)

ZURAIRI HANIP

### Pembantu Set & Prop Master

KAMELIA SURIA KAMARUDDIN  
MOHD YA LATIP DAUD  
SITI ROHANA ABD JALIL  
SAHARUDIN ISMAIL

### Pembantu Pentas (Backdrop)

AZMEEL FIRDAUS NOORAZMAN  
MUHD ADLI ABU JAZID JAVIS  
MUHD ZAKI ABU JAZID JAVIS  
MOHD KHAIRUL ANUAR MOHD RAMLY  
RAZIMEE YAHYA  
NOOR HAZRIL MOHD SIDEK

### Runner

INTAN ROZALINA ABD GHANI  
SYARAFINA ABDULLAH

### Pengacara

NOR EMELIA MOHD SAAD

## Pelakon

HANIMAH SAMUDIN

**Delima**

SHAHRIK NIZAM SHAHRON

**Bujang**

HADI MASWARDI MOHD AMIN

**Alang**

AZIZI SULAIMAN

**Orang Kaya Katam**

KHARIZUL YAAKOB

**Datuk Paduka Demang**

ISMALIZA ISHAK

**Datin Erah**

SABARINA MASADI

**Kenanga**

HAFIZ HUSSEIN

**Jasin**

ENGKU NORZALIFAH ENGKU RASED

**Ibu Delima**

MOHD KAMALUDIN MOHD DAUD

**Datuk Balai/Datuk Panglima Luar**

MOHD SAIFULLAH MOHD GHAZALI

**Penghulu Pengkalan**

**Pinggir/Pengiring Datuk Panglima**

**Luar**

CHE ZIHAN CHE ISMAIL

**Penghulu Tjg**

**Pengkalan/Pengiring Datuk**

**Panglima Luar**

SAHARUDIN ISMAIL

**Penghulu Mukim**

MOHD FAKHARUDIN BAHAR

**Pengiring Datuk**

SALMAH OSMAN

NORAIZAN MAMAT

SUZITA ENIS SUKRI

**Kawan Delima**

SUZITA ENIS SUKRI

**Pengiring Datin**

ZAMZURIAH ZAHARI

ROZILAH ABD RAHMAN

SHAMAINE OTHMAN

ISMADIAN ISMAIL

INTAN ROZALINA

**Penari (Babak & Extra-Turn)**

MOHD RAZIF NIZAM

ROHAIZA DULMAT

MOHD KHARIZUL YAAKOB

JUANITA ISMAIL

PUAN AMNAH AWANG

ISMADI WAKIRI

**Penyanyi Extra-Turn**

IZZAD IZZUDDIN BORHAN

GILBERT JIM LAJIM

SHUHAREZUAN RAMLY

JEZZRIQ EDDIE.KISMILARDY

AZMAN MD NOR

KHAIRUL ANUAR MOHD RAMLI

SHAHRIZAN SAHAMAT

**Pemuzik**

Turut diundang PEMBACA GURINDAM

PUAN ROHANI B.

## Turut Membantu

PENUNTUT PUSAT KEBUDAYAAN, UNIVERSITI MALAYA

MAT ZAINURI MD NOR

AHMAD FISOL REJAB

AHMAD ZAKI HJ. DAUD

MOHD SUHAILY ROSDI

KAVITA A/P SUBRAMANIAM

VISHAAL A/P RAMANATHAN

SITI HAJAR MAT SAAD

ROSNITA NIK BAKAR

MURNI CHIP

CHAN RUOH JIIN

SAADIAH MOHD SHABUDIN


ROSNANI SEMAN

MANGALESWARI A/P SUBRAMANIAM

TAN LI CHARNG

KU MAISAROH KU MOHD SAAD

WAI HAU KIT



## Produksi akan Datang

16 - 18 April 2002  
Persembahan Teater Eksperimen  
**Mimpi Di Malam Panas**

**Tempat** : Pentas Terbuka/Amphitheatre  
Pusat Pelancongan Malaysia  
( Malaysia Tourism Centre ) Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

SARKIS sudah selesai. Dua orang artis sarkis (Lysander dan Hermia) melarikan diri semasa curtain call di penghujung persembahan. Pemergian mereka diperhatikan oleh Demetrius yang sukakan Hermia. Demetrius pula diperhatikan oleh Helena yang sukakannya. Demetrius mengejar pasangan kekasih itu dan dia pula dikejar oleh Helena.

Semangat artis sarkis dari zaman silam muncul. Tuan punya sarkis, Oberon cuba memaksa isterinya-Titania memberikan budak lelaki yang dijadikannya anak angkat. Apabila Titania enggan, Oberon berpakat dengan Puck untuk menggunakan air pengasih supaya Titania jatuh cinta dan dalam keadaan itu akan mengikut kata - katanya.

Air pengasih bukan sahaja membuat Titania menjadi mangsa (apabila dia jatuh cinta dengan seorang badut sarkis "sebenar"), malah kerana kesilapan Puck, kasih Lysander terhadap Hermia bertukar pula kepada Helena. Kekecohan berlaku di antara keempat - empat artis sarkis itu. Oberon masuk campur, tetapi apakah dia akan mendapat apa yang dia mahu daripada Titania?

*The Circus ends. During the curtain call, two artistes (Lysander and Hermia) run away and they are being watched by Demetrius who likes Hermia. Demetrius is being watched by Helena who is in love with him. As Demetrius chases after the two lovers, he is followed closely by Hermia.*

*The spirits of a past circus begin to appear. The circus master, Oberon tries to force his wife, Titania to give him a boy who is adopted by her. When Titania refuses, Oberon plans with Puck to use the drop from a flower as a love potion that will make Titania fall in love and in that condition, she would be willing to concede.*

*This love potion not only makes Titania victim (when she falls in love with a clown from the "real" circus), but due to Puck's mistakes, Lysander's love for Hermia changes to love for Helena. All hell breaks loose among the four circus artistes. Oberon interferes, but will he get what he wants from Titania?*

## Majlis Akademi Seni Kebangsaan Penggalaan 2001/2003

### Pengerusi

DATO' TENGKU ALAUDIN TENGKU ABD MAJID  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

### Timbalan Pengerusi

ENCIK DAING ABDUL RAHMAN BIN DAING IBRAHIM  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

### Setiausaha

PUAN NORLIZA ROFLI  
Pengarah  
Akademi Seni Kebangsaan

### Ponolng Setiausaha

Timbalan Pengarah Pengurusan dan Pendaftaran  
Akademi Seni Kebangsaan

Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar & Hal Ehwal Akademik  
Akademi Seni Kebangsaan

### Ahli - ahli Tetap


Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kewangan

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan

### Ahli - ahli Dilantik

PROF. DIRAJA UNGKU AZIZ BIN UNGKU ABD. HAMID  
PROF. DATO' DR. WAN HASHIM WAN TEH  
DATO' DR. HASSAN BIN AHMAD  
DATO' JINS SHAMSUDDIN  
DATIN AZANIN DATO' AHMAD  
PROF. DATO' DR. RAMLAH ADAM  
DR. HATTA AZAD KHAN  
ENCIK MOHD SHARIFF BIN AHMAD  
PUAN WAIRAH MARZUKI





## Akademi Seni Kebangsaan Sejarah

Akademi Seni Kebangsaan (ASK) ditubuhkan pada tahun 1994 dibawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Penubuhannya mengakhiri impian penggiat seni tanahair yang sejak Kongres Kebudayaan Kebangsaan di Universiti Malaya pada tahun 1971 telah melahirkan harapan agar sebuah institusi ditubuhkan untuk pembelajaran dalam bidang seni. Di dalam konteks pembangunan negara, kemajuan dan pendidikan kesenian hendaklah sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan sosial. Matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju perlu didokongi bersama oleh penggiat seni tanahair. Pengalaman beberapa buah negara yang mempunyai kesenian yang mantap seperti Peranchis dan United Kingdom membuktikan bahawa bidang - bidang seni memberikan pulangan ekonomi yang baik kepada penggiat seni.

ASK merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang bertujuan menghasilkan seniman yang mahir dan karyawan yang beribawa di samping menentukan kesinambungan warisan seni negara. Pada perinsipnya ASK menumpukan pendidikan seni ke arah mengeluarkan "performers" yang profesional dan berilmu. Penekanan pembelajaran diberi kepada pendidikan amali bagi memastikan pelajar mencapai kemahiran yang tinggi. Siswazah ASK adalah diharapkan dapat menampung keperluan tenaga mahir dalam bidang kesenian dan emahiran ini dapat mengisi keperluan tenaga profesional seperti anggota orkestra, pencipta, penggubah, pelakon, penulis skrip, pendidik seni serta lain -lain kerjaya yang berkaitan dengan industri seni.

### BIDANG PENGAJIAN

- Program Wajib Akademi
- Program Sinematografi
- Program Penulisan
- Program Muzik
- Program Teater
- Program Tari



UNTUK MAKLUMAT LANJUT  
*for further information*

**AKADEMI SENI KEBANGSAAN**  
(Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia)  
Aras 33, Empire Tower  
102, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

Tel: 03 - 2164 9186  
Baharuddin (266) Melan (220) Norizah (250)  
Fax: 03 - 2164 9186

e-mail:  
HYPERLINK "mailto:ejah@excite.com"  
ejah@excite.com  
HYPERLINK "mailto:ask\_arts@virtualmalaysia.com"  
ask\_arts@virtualmalaysia.com